

Penipuan secara dalam talian bukan hanya merugikan dari segi kewangan, malah turut meninggalkan kesan emosi yang mendalam.

kan dipulangkan apabila anda membayar sejumlah wang yang dikit nilainya. Bukan sahaja hilangnya data yang berharga, juga hilang keyakinan terhadap rancangan data tersebut. Serangan ini dapat menimbulkan tekanan, cemas, bahkan perasaan kehilangan harapan. Faktor yang semakin penting pada teknologi untuk penerangan segala maklumat penting mungkin terdedah kepada risiko penipuan mereka dalam sekelip

mata. Daripada itu, jenayah siber juga memberikan impak terhadap kesihatan mental individu, terutamanya dalam kes cyber. Dunia media sosial yang di platform utama untuk interaksi kini juga menjadi tempat individu itu dihina, dicemoi dan dijadikan sebagai bahan ejekan. Akibatnya, mangsa kepada buli siber, termasuk golongan remaja boleh mengalami tekanan emosi yang amat teruk sehingga berlakunya serangan yang mendalam. Bagaimana, bagaimanakah rasanya bila setiap perkataan yang dikatakan dalam talian boleh digunakan untuk menjatuhkan harga diri, menghancurkan harga diri seseorang? Buli siber bukan sekadar masalah berlaku dalam kalangan remaja muda, malah turut melibatkan individu yang lebih tua, termasuklah tokoh awam, artis dan bahkan pihak berkuasa yang menjadi mangsa penghinaan siber. Kesan emosi akibat serangan siber boleh bertahan lama dan menimbulkan kes yang lebih teruk boleh mengakibatkan trauma psikologi yang berpanjangan dan kehilangan harapan.

Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan kes jenayah siber, termasuklah kurangnya kesedaran keselamatan siber dalam kalangan masyarakat. Kebanyakan orang yang tidak menyedari bahawa risiko yang mereka hadapi apabila berurusan dalam dunia maya sehinggalah membuka pintu kepada penjenayah untuk mengeksploitasi kelemahan mereka. Banyak individu terutamanya yang kurang celik teknologi, mengabaikan langkah keselamatan yang asas seperti penggunaan kata laluan yang kuat atau mengemas kini perisian secara berkala. Mereka lebih memberikan tumpuan kepada manfaat jangka pendek tanpa memikirkan risiko jangka panjang yang boleh memusnahkan hidup mereka. Tanpa menyedari tentang bahaya yang sedang menghampiri, mereka secara tidak sengaja membuka ruang kepada penjenayah untuk mengeksploitasi kelemahan yang ada.

Menyedari akan pentingnya menangani jenayah siber, tindakan tegas daripada semua pihak adalah sangat penting. Langkah pertama, usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat berkaitan dengan keselamatan siber. Pihak berkuasa, syarikat teknologi dan pengamal keselamatan siber perlu bekerjasama dalam usaha mendidik masyarakat tentang langkah yang perlu diambil untuk melindungi diri mereka dalam dunia maya. Kempen kesedaran yang melibatkan pelbagai saluran media dapat membantu memberikan pengetahuan yang lebih luas kepada masyarakat tentang ancaman siber. Misalnya, penggunaan kata laluan yang kukuh, pengesahan dua faktor semasa mengakses perlu berhati-hati dengan pautan atau e-mel yang mencurigakan. Pengguna perlu menjaga keselamatan semasa

menggunakan dunia maya sama seperti menjaga keselamatan di dunia fizikal.

Selain daripada meningkatkan kesedaran, penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat juga amat penting. Pihak berkuasa perlu memastikan bahawa undang-undang keselamatan siber sentiasa dikemas kini seiring dengan perkembangan teknologi yang begitu pesat. Dengan adanya undang-undang yang lebih ketat, penjenayah siber akan tahu bahawa mereka tidak boleh lepas begitu sahaja dengan tindakan mereka. Kerjasama antara kerajaan, syarikat teknologi dan pengguna menjadi kunci dalam usaha memerangi jenayah siber, sekali gus dapat melindungi maklumat peribadi.

Jenayah siber tidak boleh dipandang remeh. Ancaman ini bukan sahaja melibatkan kerugian kewangan, malah turut memberikan impak emosi yang mendalam kepada mangsa. Oleh itu, setiap masyarakat perlu mengambil langkah proaktif untuk melindungi diri daripada risiko berkenaan. Kerjasama antara pelbagai pihak juga penting untuk memastikan dunia maya yang lebih selamat dan bebas daripada ancaman jenayah siber. ●

